

# Pameran buku UMS Februari ini

KOTA KINABALU: Unit Penerbitan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan siri jelajah pameran buku bermula 4-24 Februari 2010. Pameran itu yang diadakan di empat buah Institut Perguruan Malaysia Kampus Sabah akan meliputi pelbagai jenis buku terbitan UMS selain beberapa buku terbitan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain.

Program yang diadakan buat julung kalinya itu antara lain bertujuan untuk menyebarkan hasil-hasil kajian, penyelidikan dan tulisan kakitangan akademik UMS khususnya kepada masyarakat awam dan warga pendidik di sekitar negeri ini. Selain itu ia bagi menggalakkan lagi amalan budaya membaca agar sentiasa dipraktikkan oleh golongan generasi muda pada masa kini.

Lokasi pertama pameran tersebut adalah di Institut Perguruan Keningau yang dijadualkan berlangsung pada 04-06 Februari 2010. Ia kemudiannya diadakan di Institut Perguruan Gaya, Kota Kinabalu (08-10 Februari), Institut Perguruan Kent. Tuaran (11-13 Februari) dan Institut Perguruan Tawau (22-24 Februari). Pameran akan bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Sehubungan itu orang ramai khususnya para pensyarah dan pelajar-pelajar institut perguruan adalah dijemput hadir bagi menjayakan lagi pameran berkenaan.